

# SEJARAH KEMUNCULAN MAZHAB FIQH (Bahagian Pertama)

## Pendahuluan

Perbezaan pandangan adalah merupakan suatu yang lumrah dalam kehidupan manusia. Ia mempunyai kesan positif sekiranya kepelbagaian pandangan itu dapat diuruskan dengan sebaiknya. Begitu juga apabila membabitkan ketetapan sesuatu hukum, para mujtahid serta ahli hukum syarak turut berbeza pandangan dalam mengeluarkan dalil serta hujahan mereka. Oleh yang demikian, tulisan ini hanyalah sekadar menelusuri semula perkembangan mazhab khususnya dalam bidang fiqh berasaskan faktor di atas yang nyata mampu memberikan penyelesaian khususnya dalam perkara ibadah yang bersifat *'amaliyyah* serta sebarang bentuk perkara yang berkenaan dengan urusan kehidupan manusia.

## Definisi mazhab

Perkataan mazhab berasal dari kalimah bahasa arab iaitu **ذَهَبٌ - يَذْهَبُ - ذَهَابًا** -

**مَذْهَبٌ**. Adapun mazhab dari sudut bahasa ialah suatu pegangan yang diikuti.<sup>1</sup>

Manakala dari sudut istilah bermaksud pandangan yang dikemukakan oleh seseorang mujtahid dalam perkara *furu'* serta masalah yang bersifat *ijtihadiyy*.<sup>2</sup> Dalam erti kata yang lain, mazhab merupakan himpunan pandangan serta teori yang menghasilkan hukum yang selaras dan bersepadu.<sup>3</sup>

## Ijtihad dan tujuannya

Secara umumnya, ijtihad merupakan usaha yang dilakukan oleh seseorang *mujtahid* atau *faqih* dalam proses istinbat hukum sama ada dengan berpandukan nas syarak iaitu al-Quran dan al-Sunnah serta yang bersifat *al-muttafaq 'alayhi* seperti *al-Ijma'* dan *Qiyas* atau melalui dalil-dalil yang bersifat *al-mukhtalaf fiha* seperti *al-Istishab*, *al-Istihsan*, *al-Masalih al-Mursalah*, *al-'Urf*, *Qawl al-Sahabiyy*, *Syar' Man Qablana* dan *Sadd al-Zara'i'*.

---

<sup>1</sup> Al-Misriyy, Jamaluddin ibn Muhammad ibn Mukarram ibn Manzur. t.t. *Lisan al-'Arab*. t.t.: Dar al-Ma'arif. jil. 3. m.s. 1152.

<sup>2</sup> Sano, Qutb Mustafa. 2006. *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr. m.s. 399. *Furu'* ertinya masalah fiqh yang merupakan cabang dari masalah utama. Manakala, *ijtihadiyy* ialah suatu perkara yang menjadi perbincangan di kalangan ahli hukum (*faqih*) yang memerlukan daya usaha untuk penentuan sesuatu hukum. Lihat \_\_\_\_\_, 2012. *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah. Jil. 1. m.s. 316 dan jil. 32. m.s. 98.

<sup>3</sup> *Ibid*.

Amalan ijtihad ini sebenarnya telah pun dipraktikkan sejak hayat Baginda SAW. Hal ini dirakamkan menerusi beberapa buah hadis, antaranya:

قوله صلى الله عليه وسلم للمرأة التي سألته عن حجها لأبيها فقال: "أرأيت لو كان على أبيك دين قضيتيه أكان يجزي فقالت نعم، قال فدين الله أحق بالقضاء

Maksudnya: *Rasulullah SAW pernah bersabda kepada seorang wanita yang bertanya mengenai hajinya untuk bapanya. Baginda bersabda: "Apa pandanganmu jika sekiranya bapamu mempunyai hutang lalu engkau melangsaikannya, adakah ia sudah memadai?" Jawab wanita itu: "Ya." Sabda Baginda: "Maka hutang Allah lebih berhak untuk ditunaikan."*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

لو لا أن أشق على أمتي لأمرتهم بالسواك عند كل صلاة

Maksudnya: *"Kalaulah aku ini tidak dianggap menyusahkan umatku pasti aku menyuruh mereka bersiwak (bersugi) setiap kali hendak menunaikan solat."*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

أن الرسول صلى الله عليه وسلم قال يوم الأحزاب: "لا يصلين أحد العصر إلا في بني قريظة" فأدرك بعضهم العصر في الطريق فقال بعضهم: "لا نصلي حتى نأتيهم، وقال بعضهم نصلي، لم يُرد منا ذلك،" فذكر ذلك إلى الرسول صلى الله عليه وسلم فلم يعنف واحداً منهم

Maksudnya: *Bahawasanya Rasulullah SAW pernah bersabda semasa peristiwa al-Ahzab: "Jangan seorang pun menunaikan solat Asar sehinggalah sampai ke perkampungan Bani Quraizah." Maka sebahagian di kalangan para sahabat menunaikan solat Asar di pertengahan jalan lalu berkata sebahagian yang lain pula: "Kami tidak akan menunaikannya sehingga kami tiba di sana." Berkata sebahagiannya: "Kami tetap solat, jangan pedulikan kami." Maka hal tersebut telah disampaikan kepada Baginda SAW lalu Baginda tidak menegur seorang pun di antara mereka.*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

حديث عمار بن ياسر حيث أنه كان في سفر فاحتمل (أصابته جنابة) فتمرغ بالتراب وصلى، فقال له النبي صلى الله عليه وسلم يكفيك أن تفعل هكذا، وبين له كيفية التيمم

Maksudnya: *Sebuah hadis daripada 'Ammar bin Yasir bahwasanya beliau telah bermusafir lalu bermimpi sehingga beliau dalam keadaan berjunub. Maka, beliau telah melumurkan dirinya dengan tanah lalu mendirikan solat. Maka Rasulullah SAW bersabda: "Memadailah dengan engkau berbuat begitu." Lalu, Baginda menerangkan kepadanya mengenai cara-cara bertayammum.*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan beberapa contoh yang dikemukakan di atas, terdapat dua tujuan utama ijtihad:<sup>4</sup>

1. Untuk melatih para sahabat mengeluarkan hukum supaya sesudah kewafatan Rasulullah SAW, mereka tidak akan mengalami kesukaran untuk mempraktikkannya.
2. Sebagai menyatakan jawapan segera kepada masyarakat apabila menghadapi kes-kes yang tertentu. Tanpa jawapan yang segera itu dibimbangi orang ramai akan membuat persepsi yang tersendiri. Kesannya, persepsi tersebut agak sukar untuk diubah dari minda mereka apabila diperlukan nanti.

Secara umumnya, kesemua pandangan atau hasil ijtihad yang dilakukan itu masih dalam kerangka nas Syarak iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Dalam erti kata yang lain, sesuatu ijtihad itu sebenarnya merupakan ilham dari Allah SWT. Sekiranya Allah SWT tidak memperakui sesuatu ijtihad itu maka Allah SWT akan menegur Baginda menerusi penurunan ayat al-Quran lalu menerangkan keputusan yang lebih tepat.

Hal ini dapat dilihat menerusi peristiwa peperangan Badar apabila selepas selesai sahaja peperangan tersebut, maka Rasulullah SAW telah meminta pandangan daripada para sahabat berhubung tindakan ke atas 70 orang tawanan perang Badar. Saidina Abu Bakar r.a. berpandangan agar diambil tebusan daripada tawanan tersebut dengan harapan mudah-mudahan mereka akan insaf dan tertarik dengan Islam. Ada yang berpandangan agar kesemua tawanan tersebut dibunuh kerana mereka telah engkar dengan Allah dan mengusir kaum Muhajirin dari Makkah seperti yang dikemukakan oleh Saidina 'Umar bin al-Khattab r.a. Akhirnya, mereka mengambil keputusan untuk melepaskan tawanan tersebut dengan mengenakan tebusan mengikut kemampuan masing-masing. Kadar tebusan itu setinggi empat ribu dirham dan serendah satu ribu dirham. Bagi yang miskin tetapi mempunyai kemahiran seperti membaca dan menulis dikehendaki supaya mengajar 10 orang kanak-kanak

---

<sup>4</sup> Abdul Majid, Mahmood Zuhdi. 2010. *Transformasi Fikah Semasa*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd. m.s. 69.

Islam. Dalam hal ini, Allah SWT telah menurunkan wahyu iaitu surah al-Anfal ayat 67 bagi menegur keputusan yang telah diambil oleh mereka itu.<sup>5</sup>

Adapun berkenaan ijtihad yang dilakukan oleh para sahabat maka segala tindakan mereka akan terus dirujuk kepada Rasulullah SAW. Apabila Baginda memperakukannya maka jadilah ia sebagai ketetapan hukum kepada umat Islam. Jika sebaliknya, nescaya Baginda tidak memperakukannya. Oleh yang demikian, ijtihad para sahabat tidak dianggap sebagai sumber hukum.<sup>6</sup>

Walau bagaimanapun, segala hasil ijtihad yang diperolehi ketika itu belum lagi dibukukan namun ia terakam sama ada melalui hadis atau *athar* sehingga era pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah iaitu pada kurun kedua hijrah.

## Rukun ijtihad

Ijtihad terdiri dari tiga (3) rukun:<sup>7</sup>

### 1. Nafs al-Ijtihad

Ia merupakan proses penyelidikan ilmiah bagi memperoleh sejumlah maklumat menerusi dalil-dalil yang disepakati (*al-muttafaq 'alayhi*) mahupun dalil-dalil yang tidak disepakati (*al-mukhtalaf fiha*) dalam menetapkan sesuatu hukum terhadap sebarang permasalahan ataupun isu yang dikemukakan kepada seseorang mujtahid. Proses ini juga turut dikenali sebagai *istinbat al-ahkam al-syar'iyah*.

### 2. Al-Mujtahid

Merupakan seorang yang kompeten dalam hukum syarak serta bertanggungjawab dalam proses istinbat hukum. Seseorang mujtahid perlu memenuhi dua syarat iaitu mempunyai pengetahuan yang luas berkenaan hukum syarak sehingga membolehkannya mengenalpasti pendalilan yang bersifat *zanniyy*<sup>8</sup> serta mempunyai sifat adil dalam erti kata menjauhkan dirinya dari perkara maksiat yang mencalarakan sifat adil tersebut.

### 3. Al-Mujtahad fih

---

<sup>5</sup> Haji Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syari'at Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. m.s. 54 & 57.

<sup>6</sup> *Ibid*.

<sup>7</sup> Al-Ghazaliyy, Muhammad ibn Muhammad. t.t. *Al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. t.t.: t.t. Jil. 4. m.s. 4.

<sup>8</sup> Ia juga dikenali sebagai *zanniyyah al-dilalah* iaitu dalil tertentu sama ada diambil dari al-Quran mahupun al-Sunnah yang mempunyai lebih dari satu makna serta memerlukan kaedah takwil untuk memahaminya.

Setiap isu ataupun kes yang diputuskan bukan berasaskan dalil yang bersifat *qat'iyy*.<sup>9</sup> Hal ini kerana dalil *qat'iyy* adalah merupakan hukum yang muktamad dan tidak memerlukan sebarang ijtihad. Oleh itu, isu-isu yang tidak terdapat nas bagi mensabitkan hukum adalah berada dalam kategori ini.

## Perkembangan ijtihad

Ijtihad merupakan metodologi terpenting dalam pengeluaran sesuatu pandangan atau fatwa. Sehubungan dengan itu, amalan mempraktikkannya sejak zaman Rasulullah SAW serta para sahabat merupakan panduan kepada umat Islam dalam melestarikan usaha tersebut terutama apabila berhadapan dengan isu-isu yang bersifat kompleks atau semasa.

Walau bagaimanapun, amalan ijtihad semasa hayat Rasulullah SAW adalah di bawah pemantauan Baginda sendiri. Hal ini kerana mana-mana hukum yang diputuskan atau yang diamalkan di kalangan sahabat pasti akan dirujuk kepada Baginda bagi mendapatkan perakuan. Adakalanya dalam situasi tertentu yang proses ijtihad tidak dapat dilaksanakan oleh sahabat turut diajukan kepada Baginda.

Apabila Rasulullah SAW telah wafat, para sahabat telah mengambil peranan dalam membantu umat Islam khususnya dalam menyelesaikan persoalan berkenaan hukum hakam. Susulan dari itu, *ijma'* telah menjadi sumber hukum apabila sesuatu hukum itu disepakati secara bersama di kalangan para sahabat. Selain itu, pengamalan *qiyas* juga turut membantu dalam memahami *'illah* hukum apabila proses analogi dilakukan berasaskan hukum yang asal.

Antara sahabat yang masyhur yang terlibat secara langsung dalam urusan ijtihad adalah seperti yang berikut:<sup>10</sup>

Khulafa' al-Rasyidin	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.</li> <li>2. Saidina 'Umar bin al-Khattab r.a.</li> <li>3. Saidina 'Uthman bin 'Affan r.a.</li> <li>4. Saidina 'Ali bin Abu Talib r.a.</li> </ol>
Madinah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Zaid bin Thabit, Ubay bin Ka'ab r.a.</li> <li>2. 'Abdullah bin 'Umar r.a.</li> <li>3. Saidatina 'Aisyah r.a.</li> </ol>
Mekah	'Abdullah bin 'Abbas r.a.
Kufah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saidina 'Ali bin Abu Talib r.a.</li> <li>2. Saidina 'Abdullah bin Mas'ud r.a.</li> <li>3. Saidina 'Alqamah bin Qays al-Nakha'iyy r.a.</li> </ol>

<sup>9</sup> Turut dikenali sebagai *qat'iyyah al-dilalah* iaitu dalil tertentu sama ada yang diambil menerusi al-Quran mahupun al-Sunnah dan mempunyai maksud dan tafsiran yang jelas serta tidak memerlukan sebarang takwilan.

<sup>10</sup> Muda, Ab Latif. 2010. *Perbahasan Sejarah Perundangan Islam dan Mazhab Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam. m.s. 178.

Basrah	1. Anas bin Malik r.a. 2. Abu Musa al-Asy'ari r.a.
Syam	1. Mu'az bin Jabal r.a. 2. 'Ubadah bin al-Samit r.a.
Mesir	'Abdullah bin 'Amr bin al-'As r.a.

Diriwayatkan bahawa terdapat hampir 130 orang di kalangan sahabat sama ada lelaki mahupun wanita yang berkemahiran dalam bidang ijtihad dan fatwa.<sup>11</sup>

Manakala golongan tabi'in yang arif dalam bidang hukum adalah seperti yang berikut:<sup>12</sup>

Madinah	1. Sa'id bin al-Musayyab al-Makhzumiyy 2. 'Urwah bin al-Zubayr al-Asadiyy 3. Abu Bakr bin 'Abdul Rahman al-Makhzumiyy 4. 'Aliyy bin Hussein bin 'Aliyy bin Abu Talib 5. 'Abdullah bin 'Abdullah bin 'Utbah bin Mas'ud 6. Salim bin 'Abdullah bin 'Umar 7. Sulaiman bin Yasar 8. Al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar 9. Nafi' 10. Muhammad bin Muslim bin Syihab al-Zuhriyy 11. Abu Ja'far bin Muhammad bin 'Aliyy bin al-Hussein al-Baqir 12. Abu al-Zinad 'Abdullah Zakwan 13. Yahya bin Sa'id al-Ansariyy 14. Rabi 'ah bin Abu 'Abdul Rahman
Mekah	1. Mujahid bin Jubayr 2. 'Ikrimah Maula Ibnu 'Abbas 3. 'Ata' bin Abu Rabah 4. Abu al-Zubayr Muhammad bin Muslim bin Tadarrus
Kufah	1. Masruq bin al-Ajda' al-Hamdaniyy 2. 'Ubaydah bin 'Amru al-Salmaniyy al-Muradiyy 3. Syurayh bin al-Harith al-Kindiyy 4. Ibrahim bin Yazid al-Nakha'iyy 5. Sa'id bin Jubayr 6. 'Amir bin Syarahil (Syarhabil) al-Sya'biyy

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Haji Mansur, Muhsin. 1968. *Ikhtisar Sejarah Perundangan Islam*. Pulau Pinang: Pustaka Haji Abdullah bin M Noordin Al-Rawi. m.s. 50 – 60.

Basrah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Abu al-'Aliyyah Rafi' bin Mahran al-Riyahiyy</li> <li>2. Al-Hasan bin Abu al-Hasan Yasar</li> <li>3. Abu al-Sya'tha' Jabir bin Zayd</li> <li>4. Muhammad bin Sirin</li> <li>5. Qatadah bin Di'amah al-Dusiyy</li> </ol>
Syam	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Qabisah bin Zu'ayb</li> <li>2. Makhul bin Abu Muslim</li> <li>3. Raja' bin Hayah al-Kindiyy</li> <li>4. Al-Khalifah 'Umar bin 'Abdul 'Aziz</li> </ol>
Mesir	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Abu al-Khayr Marthad bin 'Abdullah al-Buzniyy</li> <li>2. Yazid bin Abu Hubayb</li> </ol>
Yaman	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tawus bin Kaysan al-Jundiyy</li> <li>2. Wahb bin Munabbih al-Sun'aniyy</li> <li>3. Yahya bin Abu Kasyir</li> </ol>

### **Ikhtilaf dan faktornya**

Dalam konteks fiqh, ikhtilaf merupakan perbezaan pandangan dalam membahaskan sesuatu hukum dengan maksud atau tujuan yang sama. Hakikatnya, ikhtilaf telah pun berlaku sejak zaman Rasulullah SAW, para sahabat dan tabi'in. Namun, perkembangan ikhtilaf memberi kesan yang ketara khususnya ketika zaman tabi'in. Antara faktor-faktor yang menjurus ke arah perkembangan tersebut:<sup>13</sup>

1. Munculnya pandangan-pandangan yang berasaskan penaakulan (al-Ra'y).

Terdapat di kalangan ulama yang melakukan kajian serta proses istinbat berasaskan penaakulan (al-Ra'y) dalam menyelesaikan isu-isu tertentu yang tidak didapati hukum secara langsung menerusi nas al-Quran mahupun al-Sunnah. Maka, metodologi tersebut diajarkan kepada anak-anak murid yang mempelajari ilmu daripada mereka khususnya ilmu fiqh. Secara tidak langsung ia telah membentuk satu bentuk disiplin ilmu yang baru khususnya dalam bidang hukum syarak.<sup>14</sup>

2. Perkembangan ajaran Islam di luar Hijaz

Kawasan hijaz adalah terdiri dari Mekah, Madinah dan tempat-tempat yang lain yang berada di sekitarnya. Apabila Islam berkembang di luar Hijaz menerusi pembukaan kota-kota, maka didapati pelbagai bentuk tamadun seperti tamadun Rom dan Parsi serta fahaman mahupun adat setempat yang memerlukan ketelitian dalam memahaminya. Hal ini secara tidak langsung turut mendorong ke arah perbezaan pandangan terutama dalam meraikan keperluan setempat selagimana tidak bercanggah dengan tuntutan syarak.

<sup>13</sup> Al-Asyqar, 'Umar Sulayman. 2005. *Al-Madkhal Ila al-Syari'ah wa al-Fiqh al-Islamiyy*. Jordan: Dar al-Nafa'is. m.s. 173 – 174.

<sup>14</sup> Al-Badwiyy, Yusuf Ahmad Muhammad. 2007. *Madkhal al-Fiqh al-Islamiyy wa Usuluhu*. Jordan: Dar al-Hamid. m.s. 198.

3. Sunnah Rasulullah SAW diajar di negara-negara umat Islam

Sunnah atau hadis Rasulullah SAW telah dikumpul melalui hafalan di dada para sahabat. Hanya sebahagian kecil sahaja di kalangan sahabat yang telah menulis pada catatan peribadi mereka. Namun, apabila Islam tersebar di negara-negara luar maka ramailah di kalangan penduduk setempat yang telah mengambil peluang dengan mempelajari hadis-hadis menerusi para sahabat. Apabila sesuatu hukum tidak ditemui dalam hadis maka kaedah ijtihad akan digunakan sebagai solusi ke arah perkara tersebut.

4. Tersebarnya fitnah di kalangan umat Islam

Kesan penyebaran fitnah telah mengakibatkan umat Islam hidup berpuak-puak sehingga mengakibatkan berlakunya pertumpahan darah. Lebih membahayakan apabila terdapat golongan tertentu yang telah mengambil kesempatan dengan mendakwa berpihak kepada kebenaran lalu mereka-reka hadis mahupun hukum hakam untuk menarik pengaruh di kalangan para pengikut mereka seperti golongan Muktazilah, Khawarij dan Syiah.

### Ahlu al-Hadith

Hakikatnya, ahlu al-hadith atau aliran ahli hadis mula berkembang di Hijaz khususnya di Madinah. Hal ini disebabkan kota Madinah merupakan simbol tamadun Islam yang pertama selepas peristiwa hijrah yang juga dikenali sebagai Dar al-Hijrah. Apabila Rasulullah SAW menjadi pemimpin di Madinah, maka ajaran Islam berkembang dengan lebih pesat dan hal ini telah mengukuhkan lagi strategi dalam pelaksanaan syariat Islam di Madinah.

Pada era kerajaan 'Abbasiyyah, Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah mengarahkan Abu Bakar bin Hazm yang merupakan seorang kadi di Madinah ketika itu melalui sepucuk surat agar ditulis semula hadis-hadis Rasulullah SAW kerana kluatir akan kehilangan sumber hadis apabila ilmuan hadis telah tiada. Namun begitu, Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah meninggal dunia terlebih dahulu sebelum karya penulisan hadis tersebut dipersembahkan kepadanya.<sup>15</sup>

Walau bagaimanapun, usaha penulisan hadis ini telah dimulakan oleh sebahagian kecil di kalangan ilmuan Islam di kebanyakan negara-negara Islam. Di antara mereka seperti al-Imam Sufyan al-Thawri di Kufah, al-Imam al-Laith bin Saad di Mesir serta al-Imam Malik bin Anas di Madinah. Tidak semua penulisan tersebut sampai ke tangan kita melainkan karya penulisan al-Imam Malik iaitu *al-Muwatta'*. Metodologi penulisan beliau ketika itu ialah menghimpunkan beberapa perkara seperti hadis, athar sahabat beserta fatwa mereka dan penghakiman yang telah diputuskan. Turut dimuatkan juga sebahagian dari pandangan para tabi'in.<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> Al-Qattan, Manna'. 1996. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyy al-Tasyri' wa al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif. m.s. 88.

<sup>16</sup> Zaydan, 'Abd al-Karim. 2001. *Al-Madkhal Li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Iskandariyyah: Dar 'Umar ibn al-Khattab. m.s. 143.



Apabila hadis telah dibukukan dan mendapat tempat di sisi umat Islam maka terdapat usaha di kalangan pemerintah untuk menjadikannya sebagai rujukan amalan umat Islam. Sebagai contoh, Khalifah al-Rasyid telah berkenan untuk dijadikan kitab *al-Muwatta'* bagi tujuan yang berkenaan namun cadangan tersebut telah ditolak oleh al-Imam Malik sendiri.<sup>17</sup>

Aliran ini dipelopori oleh seorang tabi'in iaitu Sa'id ibn al-Musayyab yang berasaskan pegangan secara bersepadu terhadap nas yang terdapat pada al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, amalan ijtihad amat sedikit sekali penggunaannya khususnya apabila terdapat permasalahan yang tidak diperolehi menerusi al-Quran dan al-Sunnah.<sup>18</sup> Hal yang demikian dianggap tidak begitu rumit kerana masih terdapat ramai di kalangan para sahabat yang mempunyai autoriti khususnya dalam memberi penjelasan mengenai hubung kait antara nas dengan fatwa yang diputuskan.

### Ahlu al-Ra'y

Pada era pemerintahan al-Khalifah 'Uthman ibn 'Affan r.a., usaha peluasan wilayah telah mendapat galakan daripada pihak pemerintah. Antara kawasan tersebut ialah wilayah Kufah dan Basrah yang pada masa itu adalah di bawah pentadbiran kerajaan Parsi. Apabila kerajaan Islam berjaya menakluki kawasan berkenaan maka dihantar beberapa orang sahabat iaitu 'Abdullah ibn Mas'ud, 'Ali ibn Abu Talib, Abu Musa al-Asy'ariyy, Sa'ad ibn Abi Waqqas, al-Mughirah ibn Syu'bah serta 'Anas ibn Malik ke Kufah sebagai tenaga pengajar di sana. Manakala 'Abdullah ibn Mas'ud pula dilantik sebagai Qadhi di Kufah.<sup>19</sup>

Apabila ajaran Islam berkembang subur di wilayah berkenaan, maka lahirlah anak-anak didik para sahabat yang terdiri daripada masyarakat setempat seperti 'Alqamah ibn Qays al-Nakha'iyy, al-Aswad ibn Yazid al-Nakha'iyy, Masruq ibn al-Ajda' al-Hamdaniyy, 'Ubaydah ibn 'Amru al-Salmaniyy, Syurayh ibn al-Harith al-Qadhiyy serta al-Harith al-A'war.<sup>20</sup>

Metodologi bagi aliran ini ialah berasaskan masalah serta penggunaan qias dan istihsan dalam proses istinbat hukum.<sup>21</sup> Ia bukanlah bermaksud bahawa nas al-Quran dan al-Sunnah diketepikan namun ia masih menempati prinsip-prinsip asas syarak sepertimana yang terkandung dalam nas berkenaan. Hal ini berdasarkan latar belakang bandar Kufah yang merupakan bandar yang membangun serta terdapat pelbagai budaya dan kepercayaan yang pelbagai yang menjadi anutan masyarakat di kawasan berkenaan. Manakala sumber hadis pula dikesan amat sedikit berbanding di

---

<sup>17</sup> Al-Siba'iyy, Mustafa. t.t. *Al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islamiyy*. t.t: Dar al-Warraq. m.s. 469 – 470.

<sup>18</sup> A. Othman, Mahmud Saedon. 1992. *Al-Sunnah Kedudukan dan Peranannya di Dalam Syariah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s. 61 – 62.

<sup>19</sup> Mazkur, Muhammad Salam. 1996. *Al-Madkhal Li al-Fiqh al-Islamiyy*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Hadith. m.s. 125 – 126.

<sup>20</sup> *Ibid.* m.s. 126.

<sup>21</sup> Al-Asyqar, 'Umar Sulayman. 2005. *Al-Madkhal Ila al-Syari'ah wa al-Fiqh al-Islamiyy*. Jordan: Dar al-Nafa'is. m.s. 194.

Madinah. Ia merupakan manifestasi terhadap kemasukan para pendakwah khususnya di kalangan para sahabat yang datang ke Kufah dalam menyebarkan ajaran Islam di situ. Keupayaan para sahabat adalah berdasarkan jumlah hafalan dan kefahaman mereka terhadap hadis yang disampaikan.

### Rujukan

1. \_\_\_\_\_ . 2012. *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah. Jil. 1.
2. A. Othman, Mahmud Saedon. 1992. *Al-Sunnah Kedudukan dan Peranannya di Dalam Syariah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Abdul Majid, Mahmood Zuhdi. 2010. *Transformasi Fikah Semasa*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
4. Al-Asyqar, 'Umar Sulayman. 2005. *Al-Madkhal Ila al-Syari'ah wa al-Fiqh al-Islamiyy*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
5. Al-Badwiyy, Yusuf Ahmad Muhammad. 2007. *Madkhal al-Fiqh al-Islamiyy wa Usuluhu*. Jordan: Dar al-Hamid.
6. Al-Ghazaliyy, Muhammad ibn Muhammad. t.t. *Al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. t.t.: t.t. Jil. 4.
7. Al-Misriyy, Jamaluddin ibn Muhammad ibn Mukarram ibn Manzur. t.t. *Lisan al-'Arab*. t.t.: Dar al-Ma'arif. Jil. 3.
8. Al-Qattan, Manna'. 1996. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyy al-Tasyri' wa al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
9. Al-Siba'iyy, Mustafa. t.t. *Al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islamiyy*. t.t.: Dar al-Warraaq.
10. Haji Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syari'at Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
11. Haji Mansur, Muhsin. 1968. *Ikhtisar Sejarah Perundangan Islam*. Pulau Pinang: Pustaka Haji Abdullah bin M Noordin Al-Rawi.
12. Mazkur, Muhammad Salam. 1996. *Al-Madkhal Li al-Fiqh al-Islamiyy*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Hadith.
13. Muda, Ab Latif. 2010. *Perbahasan Sejarah Perundangan Islam dan Mazhab Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

14. Sano, Qutb Mustafa. 2006. *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
15. Zaydan, 'Abd al-Karim. 2001. *Al-Madkhal Li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Iskandariyyah: Dar 'Umar ibn al-Khattab.